

TARIKH	RABU, 1 FEBRUARI 2023
AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK ARTIKEL	BANTU NASIB INDIVIDU DIBELENGGU MUFLIS
M/S	4
BIDANG	MANAGEMENT
KATA KUNCI	

Kuala Lumpur: Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) menggesa kerajaan dan Jabatan Insolvensi Malaysia memandang serius nasib mereka yang disahkan muflis sebelum 2017.

Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Nadzim Johan berkata, ia kerana hak individu terbabit seolah-olah dinafikan berikutan langkah penambahbaikan dalam pindaan Akta Insolvensi 1967 pada tahun berkenaan.

Menurutnya, lebih membimbangkan apabila individu disahkan muflis juga terdiri daripada golongan belia dan warga emas yang

Bantu nasib individu dibelenggu muflis

sudah berusia 75 tahun.

"Mereka yang disahkan muflis selepas 2017 menerima beberapa penambahbaikan dalam pindaan Akta Insolvensi 1967 pada tahun itu.

"Sebagai contoh, peruntukan Seksyen 33C yang memberi pelepasan automatik selepas tiga tahun muflis dan lapan pindaan lain dalam akta pada tahun berkenaan.

"Bagaimanapun mereka yang muflis sebelum 2017 perlu menunggu sehingga 15 tahun pentadbiran kes di Jabatan Insolvensi Malaysia



sebelum layak memohon bebas muflis.

"Seharusnya golongan belia yang muflis diberi pe-



PPIM berharap pucuk pimpinan Kerajaan Perpaduan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dapat memberi perhatian serius terhadap segala perkara yang diutarakan"

Nadzim Johan

luang kedua untuk bebas (muflis) manakala warga

emas pula perlu dibebaskan secara automatik kerana faktor umur dan kesihatan mereka," katanya pada sidang media di pejabat PPIM di sini, semalam.

Nadzim berharap pelantikan Menteri Undang-Undang dan Reformasi Institusi, Datuk Seri Azalina Othman Said dan Ketua Pengarah Insolvensi yang baharu, M Bakri Abd Majid dapat membantu individu dibelenggu muflis.

"PPIM menyambut baik dan mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan kerajaan dalam membela

nasib mereka yang muflis.

"Kami percaya dengan kebijaksanaan Datuk Seri Azalina kerana beliau individu yang bertanggungjawab menambah baik Akta Insolvensi 1967 pada 2017.

"Sebelum ini, mereka yang muflis seolah-olah tidak mempunyai masa depan dan akan terus berada dalam keadaan tidak diberikan pengupayaan untuk bangkit semula.

"PPIM berharap pucuk pimpinan Kerajaan Perpaduan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dapat memberi perhatian serius terhadap segala perkara yang diutarakan," katanya.